

Headline	Pelajar perlu maklumat HIV AIDS		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	18 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	14,000
Page No	15	Readership	42,000
Language	Malay	ArticleSize	458 cm ²
Journalist	Oleh Kalsom Rahmathulah	AdValue	RM 10,497
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,491



*Hindari
tingkah laku
berisiko, didik
remaja amal
gaya hidup
sihat*

Headline	Pelajar perlu maklumat HIV AIDS		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	18 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	14,000
Page No	15	Readership	42,000
Language	Malay	ArticleSize	458 cm ²
Journalist	Oleh Kalsom Rahmathulah	AdValue	RM 10,497
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,491

Oleh Kalsom Rahmathulah

Kajian Universiti Sains Malaysia (USM) mendapati secara umumnya HIV/Aids kini cepat menular dalam kalangan pelajar.

Penyelidikan oleh Kumpulan Bertindak dan Penyelidikan AIDS (AARG) Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (PPSK) USM itu menegaskan pelbagai pihak berperanan membantu mengatasi penularan wabak berkenaan.

Bekas Konvenor AARG selaku Timbalan Presiden Majlis AIDS Malaysia, Prof Dr Ismail Baba, berkata AARG sendiri mendidik pelajar dan orang ramai dengan maklumat asas berkaitan HIV/Aids.

Gaya hidup sihat

“Maklumat ini perlu disampaikan supaya dapat mendidik orang ramai, khususnya remaja untuk mengamalkan gaya hidup sihat.

“Pelajar mesti menjauhkan diri daripada tingkah laku berisiko yang menyebabkan penularan HIV/Aids.

“Selaras dengan usaha kerajaan iaitu *Getting to Zero* bagi wabak HIV/Aids, semua agensi mempunyai tanggungjawab untuk menyumbang bagi keberhasilan matlamat ini,” kata-

Pelajar mesti menjauhkan diri daripada tingkah laku berisiko yang menyebabkan penularan HIV/Aids”

Ismail Baba,
Timbalan Presiden Majlis
AIDS Malaysia

nya.

Beri kefahaman

Beliau berkata demikian dalam ucapan di Simposium Remaja dan HIV/Aids di USM Pulau Pinang, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah, Konvenor AARG, Prof Madya Dr Azlinda Azman dan Dekan PPSK USM, Dr Nor Malina Malek.

Kira-kira 100 peserta menghadiri program berkenaan yang diadakan bersempena dengan ulang tahun ke-20 AARG.

Beri sokongan

Simposium itu bertujuan memberi kefahaman mengenai isu, masalah, rawatan dan pencegahan berkaitan HIV/Aids.

Sementara itu, Nor Malina berkata, selain meningkatkan

kesedaran dalam kalangan masyarakat, orang ramai juga mesti memberi sokongan kepada mangsa HIV/Aids.

Beliau berkata, mangsa HIV/Aids memerlukan motivasi dan tidak dibebani dengan diskriminasi masyarakat.

Katanya, usaha itu dapat membantu mengurangkan halangan bagi penghidap HIV/Aids mendapatkan rawatan yang sewajarnya.